

Lampiran: GREAT MediValue Exclusive

1. Jadual Manfaat

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	Jenis Pelan
		Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang konsisten dengan bayaran biasa seperti dikenakan untuk wad atau bilik dan hidangan yang lebih kurang dan dalam lingkungan amaun had harian yang dinyatakan dalam manfaat Bilik dan Hidangan Hospital di bawah pelan yang diinsuranskan.
1	Had Tahunan bagi Perkara (5) hingga (32)	RM500,000
2	Had Seumur Hidup bagi Perkara (5) hingga (32)	Tiada had
3	Amaun Deduktibel^{1&2} (bagi setiap tahun polisi)	RM20,000
4	Insurans Bersama²	<p><u>Bagi Manfaat yang Diinsuranskan di bawah Perkara (5) hingga (18)</u> 20% Insurans Bersama akan dikenakan terhadap Amaun Deduktibel sehingga RM20,000 setiap tahun polisi bagi perbelanjaan yang layak ditanggung untuk Perkara (5) hingga (18) di bawah keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apabila tiada rujukan daripada pengamal perubatan berdaftar di klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey' sebelum kemasukan hospital atau pembedahan harian; atau • Perbelanjaan yang layak ditanggung bagi rawatan yang diterima dari klinik dan/atau hospital yang tidak disenaraikan di bawah 'The Great Journey'. <p><u>Bagi Manfaat yang Diinsuranskan di bawah Perkara (28)</u> Peraturan Insurans Bersama akan dikenakan bagi perbelanjaan yang layak ditanggung untuk Perkara (28) berdasarkan keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 5% Insurans Bersama akan dikenakan sehingga RM500 setiap tahun polisi jika: <ul style="list-style-type: none"> a) rawatan pesakit luar di klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'; dan b) rawatan pesakit luar di hospital yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey' selepas rawatan pesakit luar di klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'. Amaun Insurans Bersama ini akan ditolak daripada amaun deduktibel yang perlu dibayar dalam satu tahun polisi dan sebaliknya; atau • 20% Insurans Bersama akan dikenakan sehingga RM20,000 setiap tahun polisi jika rawatan pesakit luar tidak diperoleh di klinik yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey'. Amaun Insurans Bersama ini tidak akan ditolak daripada amaun deduktibel yang perlu dibayar dalam satu tahun polisi dan sebaliknya. <p>Nota: Klinik dan hospital yang disenaraikan di bawah 'The Great Journey' merujuk pada rangkaian klinik dan hospital terpilih yang berkenaan bagi polisi GREAT MediValue Exclusive.</p> <p>Bagi senarai klinik dan hospital terkini di bawah 'The Great Journey', sila rujuk pelokasi sesawang yang tersedia di laman sesawang Great Eastern.</p>
5	Bilik dan Hidangan Hospital (Had sehari, tiada had bagi bilangan hari)	RM200
6	Unit Rawatan Rapi (Tertakluk pada maksimum 200 hari bagi setiap tahun polisi)	Seperti caj yang dikenakan.
7	Penambahan pada Had Bilik dan Hidangan Hospital	RM50 bagi setiap 5 tahun polisi; sehingga jumlah kumulatif 100% daripada had Bilik dan Hidangan Hospital.

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	Jenis Pelan	
		Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang konsisten dengan bayaran biasa seperti dikenakan untuk wad atau bilik dan hidangan yang lebih kurang dan dalam lingkungan amaun had harian yang dinyatakan dalam manfaat Bilik dan Hidangan Hospital di bawah pelan yang diinsuranskan.	
8	Bekalan dan Khidmat Hospital	Seperti caj yang dikenakan.	
9	Bayaran Pembedahan		
10	Dewan Bedah		
11	Bayaran Pakar Bius		
12	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (2 lawatan sehari)		
13	Pemindahan Organ		
14	Bayaran Ambulans		
15	Pembedahan Harian		
16	Ujian Diagnosis Sebelum Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan hospital)		
17	Rundingan Pakar Sebelum Kemasukan Hospital, Rawatan dan Ubat yang Ditetapkan (Dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan hospital)		
18	Pendapat Perubatan Kedua oleh Pakar Sebelum Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan hospital)		
19	Rawatan Selepas Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital)		
20	Pengimejan Pesakit Luar (MRI/PET) (Tertakluk pada maksimum 30 hari dari tarikh MRI/PET)		Sehingga RM5,000 bagi setiap tahun polisi.
21	Ujian Genomik bagi Kanser		Seperti caj yang dikenakan.
22	Jagaan oleh Jururawat di Rumah Selepas Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital, tertakluk pada maksimum 200 hari bagi seumur hidup)		Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM8,000 bagi setiap hilang upaya.
23	Kiropraktik, Terapi Pertuturan atau Terapi Cara Kerja Selepas Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital, tertakluk pada maksimum 10 lawatan susulan bagi setiap hilang upaya)		Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM150 bagi setiap lawatan.
24	Pengamal Perubatan Tradisional Cina Selepas Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital, tertakluk pada maksimum 10 lawatan susulan bagi setiap hilang upaya)	Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM150 bagi setiap lawatan.	
25	Rawatan Kanser Pesakit Luar (termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat yang ditetapkan dibawa ke rumah)	Seperti caj yang dikenakan.	
26	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar (termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat yang ditetapkan dibawa ke rumah)		
27	Rawatan Kemalangan Kecemasan Pesakit Luar (Tertakluk pada maksimum 30 hari dari tarikh kemalangan)		
28	Rawatan Pesakit Luar³ a. Demam Denggi b. Virus Zika c. Demam Chikungunya d. Influenza A e. Influenza B f. Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut g. Bronkitis h. Radang paru-paru	Seperti caj yang dikenakan.	

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	Jenis Pelan
		Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang konsisten dengan bayaran biasa seperti dikenakan untuk wad atau bilik dan hidangan yang lebih kurang dan dalam lingkungan amaun had harian yang dinyatakan dalam manfaat Bilik dan Hidangan Hospital di bawah pelan yang diinsuranskan.
29	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia (tertakluk pada maksimum 120 hari setiap tahun polisi)	RM200 sehari.
30	Manfaat Harian bagi Penjaga (tertakluk pada maksimum 180 hari setiap tahun polisi)	RM150 sehari.
31	Kanta Intraokular	Maksimum RM8,000 bagi seumur hidup.
32	Bayaran Laporan Perubatan	Seperti caj yang dikenakan, sehingga maksimum RM200 bagi setiap kemasukan hospital bagi rawatan pesakit dalam atau setiap hilang upaya bagi rawatan pesakit luar.
33	Manfaat Kematian akibat Kemalangan	RM20,000
34	Supreme Assist (Khidmat Bantuan Perubatan Kecemasan)	Menurut peruntukan manfaat dalam perjanjian Supreme Assist.
35	Car Assistance Programme	Menurut peruntukan manfaat dalam perjanjian Car Assistance Programme.
36	Bonus Kesihatan	Bayaran balik caj insurans secara dua tahun sekali, dengan syarat tiada tuntutan dibuat dalam tempoh 2 tahun berturut-turut sebelum setiap bayaran balik dikreditkan. Bayaran balik adalah 10% daripada caj insurans sebenar yang dikenakan pada tahun sebelum setiap bayaran balik dan amaun bayaran balik tersebut akan dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan polisi selepas setiap 2 tahun. Jika tuntutan dibuat dalam sebarang tempoh 2 tahun berturut-turut, Bonus Kesihatan selepas tuntutan tersebut akan dilucutkan.

Nota:

- a) ¹Tertakluk pada terma dan syarat dalam kontrak polisi GREAT MediValue Exclusive, Syarikat akan membayar balik baki perbelanjaan yang layak ditanggung di bawah Perkara (5) hingga (15) bagi Manfaat yang Diinsuranskan, yang melebihi Amaun Deduktibel dan Insurans Bersama (jika berkenaan).
- b) ² Deduktibel dan Insurans Bersama tidak berkenaan bagi keadaan berikut, jika berkenaan:
 - Rawatan kecemasan;
 - Rawatan pesakit luar bagi rawatan susulan akibat kanser atau dialisis buah pinggang; dan
 - Rawatan yang diperoleh daripada sebuah kemudahan jagaan kesihatan kerajaan.
- c) ³ Manfaat Rawatan Pesakit Luar - Keadaan yang didiagnosis bagi Rawatan Pesakit Luar adalah tidak menyeluruh dan Syarikat mungkin menambah senarai keadaan yang layak, dari semasa ke semasa.
- d) Manfaat yang Diinsuranskan di atas tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

2. Pengecualian

- a) Sakit sedia ada – hilang upaya atau keadaan berkaitan 50 penyakit kritikal (rujuk jadual di bawah), gangguan tulang belakang atau diabetes dan komplikasinya yang telah didiagnosis, didedahkan atau dituntut sebelum tarikh risiko berkuat kuasa bagi rider ini.
- b) Bagi keadaan sedia ada yang lain (tidak disenaraikan dalam (a) di atas), perlindungan akan dikecualikan:
 - jika keadaan telah didiagnosis, didedahkan atau dituntut sebelum tarikh risiko berkuat kuasa bagi pelan perubatan sedia ada; dan
 - bagi 3 tahun polisi pertama bermula dari tarikh risiko berkuat kuasa bagi rider ini, jika keadaan tersebut telah didiagnosis, didedahkan atau dituntut pada bila-bila masa dari tarikh risiko berkuat kuasa bagi pelan perubatan sedia ada sehingga tarikh risiko berkuat kuasa bagi rider ini. Perlindungan bagi keadaan ini akan bermula dari tahun polisi ke-4 dan selanjutnya.
- c) Penyakit tertentu yang berlaku dalam masa 120 hari pertama dari tarikh risiko berkuat kuasa rider ini, jika berkenaan.
- d) Rawatan pembedahan plastik atau kosmetik, acara berkhatan (berkaitan agama), pemeriksaan mata, bercermin mata, kanta lekap dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi Radial atau Lasik), rabun dekat, astigmatisme dan penggunaan atau pemerolehan peralatan atau alatan luaran palsu seperti anggota palsu, alat bantuan pendengaran, alat/implan koklear, implan merangsang denyutan jantung, implan defibrilator jantung atau sebarang jenis implan alatan jantung, penggantian alat berasaskan bateri, alat perangsang saraf (neurostimulator), elektrod/dedawai dan preskripsinya.
- e) Keadaan gigi termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut bagi perbelanjaan yang ditanggung, kecuali diperlukan akibat kecederaan pada gigi semula jadi sihat yang berlaku dalam mana-mana tahun polisi dan dilakukan seorang doktor gigi. Bagi mengelakkan keraguan, tanpa mengambil kira sama ada ia diperlukan akibat kecederaan pada gigi semula jadi sihat yang berlaku dalam mana-mana tahun polisi, peletakan gigi palsu, perkhidmatan alatan palsu serta alat atau peralatan yang termasuk serta tidak terhad pada sambungan (bridge), pembentuk (crown) dan implan atau penggantinya semua akan dikecualikan.

- f) Jagaan peribadi (kecuali seperti dinyatakan dalam Jagaan oleh Jururawat di Rumah Selepas Kemasukan Hospital), pemulihan rehat atau penjagaan sanatorium, jagaan hospis dan penjagaan atau rawatan bukan untuk penyembuhan, pemuliharaan atau pemulihan, dadah haram, kemabukan, pensterilan, Penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan Penyakit berkaitan HIV.
- g) Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk keadaan kongenital atau kecacatan termasuk penyakit keturunan yang wujud atau didiagnosis sebelum hayat yang diasuranskan mencapai umur 17 tahun hari jadi berikut.
- h) Kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan menjelang putus haid (perimenopause) atau putus haid, kesuburan atau subkesuburan atau ketidaksuburan. Ketidakfungsian erektil dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan.
- i) Hidapan atau kecederaan akibat daripada sebarang bentuk perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), sukan berbahaya yang tidak terhad pada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alatan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional, pendakian gunung dan aktiviti haram.
- j) Sebarang rawatan perubatan yang diterima di luar Malaysia selain dari Singapura dan Brunei, jika anda menetap atau melancong di luar Malaysia selain dari Singapura dan Brunei melebihi 90 hari berturut-turut.
- k) Bayaran yang bukan Bayaran Munasabah dan Biasa atau sebarang pembedahan atau rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan atau bayaran yang melebihi Bayaran Munasabah dan Biasa, atau bayaran yang ditanggung bagi kemasukan hospital, sebelum dan/ atau selepas kemasukan hospital selepas tarikh tamat tempoh.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah rider ini.

50 Penyakit Kritikal	
1	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
2	Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari
3	Sindrom Apallic (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)
4	Meningitis Bakteria – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>
5	Tumor Otak Benigna – <i>keterukan tertentu</i>
6	Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
7	Pembedahan Otak
8	Kanser – <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i>
9	Kardiomiopati Teruk – <i>keterukan tertentu</i>
10	Anemia Aplastik Kronik – <i>mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang</i>
11	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik
12	Koma – <i>mengakibatkan Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal yang berterusan</i>
13	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
14	Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
15	Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
16	Ebola Demam Berdarah
17	Elefantiasis (Penyakit Untut)
18	Ensefalitis – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>
19	Kegagalan Hati Tahap Akhir
20	Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir
21	AIDS Dengan Gejala Penuh
22	Hepatitis Virus Fulminan
23	Serangan Jantung – <i>keterukan tertentu</i>
24	Pembedahan Injap Jantung
25	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
26	Kegagalan Buah Pinggang – <i>memerlukan dialisis atau pemindahan buah pinggang</i>
27	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
28	Hilang Keupayaan Bertutur
29	Trauma Kepala Teruk – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>
30	Pemindahan Organ Utama / Sumsum Tulang
31	Penyakit Sistik Medular
32	Tuberkulosis Meningeal
33	Penyakit Neuron Motor – <i>Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal berterusan</i>
34	Sklerosis Berbilang
35	Distrofi Otot
36	Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan
37	Kelumpuhan Anggota
38	Penyakit Parkinson – <i>mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Kegiatan Kehidupan Harian</i>
39	Poliomielitis
40	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – <i>keterukan tertentu</i>
41	Skleroderma Progresif
42	Rabies
43	Penyakit Arteri Koronari Serius
44	Sindrom Eisenmenger yang Teruk
45	Hemofilia Teruk
46	Strok/Angin Ahmar – <i>mengakibatkan Defisit neurologi Kekal dengan gejala klinikal berterusan</i>
47	Pembedahan Aorta
48	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
49	Penyakit Terminal (Membawa Maut)
50	Melecur Tahap Ketiga – <i>keterukan tertentu</i>